



### Pengenalan kepada RH QIROAT CENTRE

RH Qiroat Centre telah ditubuhkan pada tahun 2020 ketika negara Malaysia dilanda wabak Covid. Lantas, semua pembelajaran telah dijalankan secara online. RH Qiroat Centre telah mengambil guru dari Mesir yang lebih mendalami ilmu Qiroat secara menyeluruh dan mereka mempunyai sijil sanad bersanad terus kepada Nabi Muhammad S.A.W.

RH Qiroat Centre menawarkan 3 jenis perkhidmatan, belajar bacaan Quran dengan tajweed, ia itu perbetulkan bacaan dengan lajhah Arab, sifat dan makhraj huruf. Keduanya utk mendalami bidang bacaan Quran yang ada 10 Qiroat secara Mutawathir juga bersanad hingga ke Rasulullah S.A.W. Satu lagi perkhidmatan adalah belajar percakapan atau bersamaan tulisan untuk Bahasa Arab, Fushah atau pun A'miyah.

Semua ketiga-tiga program diatas secara beryuran. Bagi yang nak belajar Tajwid, iaitu membetulkan bacaan, mereka yang berminat boleh mengambil surah yang ingin dipelajari misal Yassin, Al Mulk atau mana-mana surah yang nak dipilih. Yuran untuk surah pilihan adalah mengikut jam belajar. Mereka juga mempunyai pilihan untuk belajar 30 Juzuk alQuran dengan yuran istimewa sekali bayaran.

RH Qiroat Centre juga menawarkan pembelajaran untuk Qiraat 10 iaitu Toriq Syatibiah dan Toriq Toyibbah. Ada 10 Qiroat yang mutawathir, bersanad dan berijazah terus kepada Rasulullah S.A.W. Disini, pelajar perlu menamatkan 30 juzuk. RH Qiroat Centre sediakan **program integrasi bagi sokongan kepada pelajar-pelajar** yang baru untuk lebih mantap terhadap usul, cara, peraturan membaca setiap satu Qiroat itu.

Ketika ini kesemua 10 Qiroat toriq Syatibiyah telah pun selesai. Semua recording boleh di down load dari Linktree RH QC dan juga boleh download dari Utube, sila lihat playlist sebab baru tersusun semua video2 itu. Bagi syarahan Methodology Qiroat 10 bacaan Toriq Toyibbah, RH Qiroat Centre sudah selesai Qiroat Imam Nafiq, Qiroat Ibnu Kathir, Qiroat Abu Amr, Qiroat IbnuAmr dan Qiroat Aasim. Yang lain syarahan masih atau akan dijalankan

Bahasa Arab, Fushah dan A'miyah juga ditawarkan. Bahasa Fushah adalah Bahasa Quran dan Bahasa rasmi orang Arab. Sementara, Bahasa A'miyah adalah Bahasa dialek tempatan. Penting untuk program ini bagi Doktor gigi dan doctor yang menjalani praktikil dihospital di Mesir.

RH Qiroat Centre juga menawarkan 6 program percuma iaitu; Methodologi Qiroat 10, bacaan Qiroat Hamzah, I'rab, Tadabur, Hadith dan Asas Tajwid. Segala recording untuk kelas percuma ini boleh

didapati dalam layaran YouTube dan Linktree. Terbuka kepada ramai untuk menjemput keluarga dan semua kawan- kawan

### PENGENALAN KEPADA FRANCHISEE



#### (a) Definisi Perniagaan Francais

Perniagaan francais boleh ditakrifkan sebagai suatu pendekatan perniagaan di mana syarikat induk (francaisor) memberi lesen atau hak kepada individu atau syarikat lain (francaisi) untuk menjalankan aktiviti perniagaan yang berlandaskan suatu kaedah tertentu, di lokasi atau kawasan yang ditetapkan dan dalam jangka masa yang ditentukan.

RH Qiroat Centre menyediakan 2 logo diatas untuk pilihan Francaisi.

Bagi produk untuk FRANCAIS adalah untuk mengembangkan bacaan alquran, pembetulan tajwid. Francais memberi hak bagi mengendalikan program ini setelah persetujuan di antara 2 pihak. Perkembangan bacaan al quran ini bertujuan untuk menyebarkan kepada orang ramai terutama kumpulan belia dan juga orang2 dewasa yang kurang berpengetahuan tentang al quran. Pembacaan al quran adalah perlu disertakan dengan bacaan tajwid yang betul kerana ini adalah ilmu Allah dan insya Allah menolong kita di dunia dan akhirat.

Untuk program pengajaran ilmu qiroat yang 10, ia itu mutawatir kepada Nabi Muhammad S.A.W. RH qiroat Centre mengadakan **program integrasi iaitu program sokongan dari segi pemahaman, usul dan tata cara dan teori kepada** pembacaan setiap satu Qiroat. Setiap syarahan satu qiroat itu adalah percuma dalam Metodologi qiroat 10.

Ketika ini kesemua 10 Qiroat utk toriq Syatibiah telah diselesaikan utk 10 qiroat. Ketika ini kesemua syarahan disimpan di dlm youtube dan linktree RH Qiroat Centre.

Utk Toriq Toyibbah recoding yang ada adalah qiroaat NAFIQ, qiroat IBNU KATHIR, qiroat ABU AMR, Qiroat Aasim dan akan berlangsung IBNU AMIR dan lain2 sehingga tamat 10 qiroat.

Program Integrasi, atau sokongan keduanya adalah melalui graduan2 RH Qiroat Centre yang bersanad mengajar dalam TUTORIAL. Di sini peraturan dan usul di bincangkan dan juga bacaan di lakukan. Maka bagi yang rasa diri nya kurang atau malu bertanya bolih perkukuhkan bacaan nya di dalam kumpulan Tutorial ini,

**Misi utama RH Qiroat Centre** adakan program sokongan ini untuk mantapkan seorang pelajar yang akan menjadi Graduan RH Qiroat Centre, untuk berani tampil ke hadapan **untuk menyebarkan apa yang di pelajari**. Ini di ertikan **RH Qiroat Centre mendidik para guru** untuk masa hadapan dalam bidang penyebaran Qiroat 10 toriq Syatibiyah dan Toriq Toyyibbah.

*Mengikut Hadith Nabi Muhammad S.A.W. Daripada Uthman bin Affan R.A, Baginda Nabi SAW bersabda:*

*“Sebaik-baik kamu ialah yang belajar al Quran dan mengajarkannya”*

*Al-Bukhari : 5027*

## **MODAL DAN OPERASI**

### **MODAL**

RH Qiroaat Centre menetapkan sejumlah modal ( RM.....) untuk menjadi Fraincaisi. Disamping itu Fraincaisee perlu membayar yuran perkidmatan ( yuran guru Arab dan imbuhan menggunakan fasiliti RH Qiroat Centre) setiap bulan mengikut kepada jumlah pelajar.

Untuk modal francaisi kepada RH Qiroat Centre, Francaisor akan memberikan seorang francaisee untuk belajar keseluruhan 10 Qiroat Toriq Syatibiyah bernilai RM XX. Juga jika ada modal ( RM.....) akan mendapat kedua2 Toriq ia itu Qiroat 10 untuk Toriq Syatibiyah dan 10 Qiroat untuk Toriq Toyyibbah.

### **Modal menjadi Francaisi:**

1. Francaisee membayar RM ..... utk modal, fraincaisor akan menimbal balik ilmu pelajaran kesemua 10 qiroat toriq Shatibiyah yang bernilai dua kali ganda iaitu RM.....
2. Jika modal yang dibayar RM ..... maka RH Qiroat Centre akan menimbal balik pelajaran untuk kesemua 10 Qiraot Toriq Syatibiyah RM..... dan Toriq Toyyibbah bernilai RM..... dan jumlah yuran kedua2 Toriq adalah RM.....
3. Bayaran modal untuk ke dua-dua Toriq, jika diambil sekali gus adalah RM..... ( +) dan jika kemudian nak mengambil Toriq Toyyibbah sebagai phasa ke2 bernilai RM.....untuk Qiroat Toriq Toyibbah yang bernilai RM.....
- Juka ambil berasingan  $RM + RM = RM$  berbanding RM..... jika di ambil pada satu perjanjian.
4. Bayaran modal bolih di buat dalam 2 ansuran .

**Nota:**

Modal yang ditetapkan diatas hanya layak kepada rakyat Malaysia.

Untuk kerakyatan luar Malaysia, modal adalah 2 kali ganda.

**Yuran Bulanan**

Yuran bulanan adalah berdasarkan jumlah pelajar dan yuran guru dari Mesir. RH Qiroat Centre memberi training dan khidmat nasihat dari segi jadual waktu, poster, marketing dan fahaman keseluruhan kepada usul dan peraturan qiroat kepada sesiapa yang masih tidak memahami apa itu Qiroat dan Riwayat setiap satu Qiroat.

**OPERASI**

RH Qiroat Centre lengkap dengan khidmat nasihat teknikal, jaringan Latihan, produk yg ditawarkan dan kelengkapan yg disediakan secara menyeluruh.

Menyebarkan dan membaca al quran adalah tanggungjawab kita bersama mengikut sunnah Nabi S.A.W.

**MODUS OPERANDI**

Tugas utama Francaise adalah mencari dan membawa seramainya pelajar yang boleh memilih daripada 3 aktiviti utama RH QC iaitu pembelajaran Tajweed, pembelajaran 10 Qiroat Toriq Syatibiyah dan Toriq Toyiybah dan juga Bahasa Arab Fushah atau A'Miyah

Setiap bulan kedua pihak francaisi dan francaisor akan menyediakan laporan bulanan setiap pelajar dari segi pembelajaran dan nasihat dari Guru Mesir.

Kelebihan dan Faedah kepada Francaisi

- 1 Dapat mengembangkan secara cepat kerana sistem telah pun disediakan
- 2 Infrastruktur dari segi guru yang berpengalaman, jadual, kemahiran mengajar telah ada
- 3 Kecekapan guru-guru dari segi usul, peraturan dan tatacara bacaan setiap Qiroat telah mantap
- 4 Guru berbahasa Inggeris dan memberi penerangan secara bertulis dan lisan
- 5 Sokongan dari RH Qiroat Centre untuk usul dan peraturan dalam Bahasa Malaysia
- 6 Tiada kepakaran yang diperlukan oleh pihak francaisi
- 7 Hasanat atau pun pahala yang diraih untuk dunia dan akhirat, insya Allah.

Huraian nya

Francaisi tidak ada risiko kerana modal berbayar telah di timbal balik oleh 10 Qiroat samada Toriq Syatibiyah dan Toriq Toyyibbah.

Jika seorang francaisi ramai kenalan, maka menjadi francaisi hanya berkeuntungan kerana bolih membawa ramai belajar ilmu Allah dan mengikut Sunnah Nabi SAW. Insya Allah ganjaran nya lebih besar di akhirat nanti.

Wassalam.